UCAPAN PRESIDEN MUIS
HJ MOHD ALAMI MUSA
DI MAJLIS PENGAGIHAN WAKAF
DI MUIS ACADEMY
3 AUG AT 10.00 AM

Satu persidangan mengenai “Muslim dalam Masyarakat Berbilang Budaya” telah berjaya diadakan di negara kita. Empat puluh sembilan cendikiawan dan pemimpin-pemimpin Islam dari luar negeri telah berhimpun selama tiga hari. Mereka sempat untuk melihat-lihat perkembangan-perkembangan umat Islam Singapura. Mereka juga berkesempatan untuk berinteraksi dengan para pemimpin masyarakat kita serta para karyawan seperti saintis-saintis Islam di Biopolis Singapura. Dan mereka berpeluang mengenali dengan rapat institusi-institusi yang dipunyai oleh masyarakat Islam Singapura seperti madrasah, masjid, pusat harmoni dan Mendaki.

2 Kami telah menerima maklum-balas yang amat positif dari tetamu-tetamu kita. Mereka amat tertarik dengan semangat berusaha, semangat berdikari dan semangat inovasi umat Islam Singapura. Mereka terkesan dengan semangat keagamaan masyarakat Islam kita yang kuat dan sikap inklusif serta keterbukaan kita untuk membincang perkara-perkara sensitif tapi penting bagi masa depan ummah. Mereka kagum dengan semangat kita sebagai masyarakat yang menyumbang kepada kesejahteraan umum dan juga sikap progresif kita untuk menyesuaikan diri kepada kehidupan unik di negara Singapura.

3 Ini adalah pemerhatian-pemerhatian yang ikhlas dari cendikiawan serta pemimpin Islam dari luar negara. Umat Islam Singapura boleh berasa bangga di atas pencapaian serta kemajuan mereka sejak kemerdekaan Singapura walaupun kita masih dibelenggu masalah-masalah. Saya berpendapat bahawa rasa bangga dengan semua kejayaan kita yang diakur oleh ramai cendekiawan serta pemimpin-pemimpin Islam dari 20 buah negara, adalah penting untuk meningkatkan harga diri masyarakat kita. Rasa bangga dan harga diri masyarakat Islam Singapura yang tinggi akan menguatkan semangat juang kita untuk menangani masalah-masalah yang kita hadapi.

4 Salah satu bidang yang telah mendapat pujian pihak luar adalah cara masyarakat Islam Singapura mengembangkan institusi wakafnya. Mereka kagum kerana kita mempunyai hartanah wakaf yang bernilai $335 juta, walaupun kita merupakan satu masyarakat yang kecil (iaitu kurang dari setengah juta jiwa).

5 Wakaf merupakan institusi yang penting dalam agama kita. Ia merupakan harta warisan yang berkekalan yang telah ditinggalkan oleh seseorang Islam (iaitu pewakif) atas harta tetap atau harta bergerak untuk tujuan-tujuan kebajikan, keagamaan, sadaqah jariah dan juga perkara perkara

yang diredhai Allah SWT. Dengan berbuat begini, para pewakif telah berniat untuk mendekatkan diri mereka kepada Allah dan mendapatkan keredhaanNya.

6 Umat Islam Singapura beruntung oleh kerana mereka mempunyai 189 hartanah wakaf. Hartanah wakaf ini telah dijaga dengan baik untuk mendapatkan pulangan. Pendapatan bersih wakaf telah disalurkan untuk membangunkan masyarakat melalui masjid, madrasah dan badan-badan kebajikan.

7 Pengurusan hartanah wakaf telah dijalankan melalui satu program pembaharuan serta peningkatan. Program pembangunan wakaf kita telah mendapat perhatian pihak luar terutama sekali bagaimana kita telah mengeluarkan satu fatwa yang begitu progresif untuk "memindahkan" hartanah wakaf yang "tidak produktif" ke hartanah yang lebih besar, yang berupaya memberi pulangan yang lebih tinggi dengan menggunakan konsep istibdal. Malah, kita merupakan salah satu badan yang pertama menggunakan instrument pembiayaan Islam kontemporari, (iaitu melalui sukuk musyarakah) di rantau ini untuk membiayai pembangunan semula hartanah wakaf di Bencoolen Street dan pembelian hartanah wakaf di Beach Road. Nilai hartanah-hartanah di lokasi-lokasi seperti di pusat bandar ini telah melambong naik. Kejayaan Singapura mengeluarkan sukuk musyarakah telah diiktiraf di peringkat antarabangsa di mana Muis telah dianugerahkan dengan "Sheikh Mohammad Bin Rashid Al Makhtoum Islamic Finance Awards 2006" dalam kategori "Regional Continuing Contribution to Islamic Finance" di Dubai kerana menjadi pelopor untuk kegunaan kaedah kreatif di dalam bidang kewangan Islam.

8 Pengurusan kita dalam bidang wakaf yang progresif serta kreatif telah juga mendapat maklum balas positif dari luar. Cabaran kita adalah untuk terus mengembangkan dan menguatkan portfolio hartanah wakaf kita serta cuba memaksimakan pulangan.

9 Pada hari ini kita akan mengagihkan sekitar $2.2 juga iaitu pendapatan bersih wakaf bagi tahun lepas. Kita akan mengagihkan wang ini kepada masjid dan madrasah untuk menjalankan program-program serta membantu mereka meningkatkan prasarana mereka. Golongan miskin dan mereka yang memerlukan akan juga dibantu melalui agihan kepada badan-badan kebajikan. Agihan juga telah diperuntukkan untuk program-program pembangunan masyarakat. Misalnya, pada tahun ini kita telah mengetepikan dana untuk Projek Casa Raudhah (bagi golongan wanita yang memerlukan perlindungan) dan Projek Mudik Ke Hulu (atau balik ke pangkal jalan) (bagi golongan belia yang ingin menghilangkan tattoo dan membuat perubahan positif dan sekaligus menjadi sukarelawan belia di masjid).

10 Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menjelaskan bahawa terkadang kala, kita telah mendahulukan wang Baitulmal untuk kerja-kerja peningkatan wakaf supaya ia mendapat pulangan yang lebih tinggi. Baitulmal perlu memainkan peranan sebagai peminjam oleh kerana wakaf yang dipertingkatkan kekurangan dana. Walaupun wakaf ini akan mendapat pendapatan lebih tinggi, sebahagian daripadanya diguna untuk membayar balik pinjaman. Akhirnya, pendapatan bersih yang diagihkan adalah kecil. Ini berlaku untuk Wakaf Jamae. Walapun pendapatannya adalah tinggi, sebahagian daripadanya digunakan untuk melunas pinjaman Baitulmal bagi kerja-kerja peningkatan yang telah dijalankan kepada Masjid Al-Abrar, Masjid Jamae Chulia dan Bangunan Nagore Durgha. Akhirnya, wang agihan bagi penerima adalah lebih rendah dari pendapatan.

11 Izinkan saya mengakhiri ucapan ini dengan mengajak anda sekalian memanjatkan rasa syukur kita kehadrat Illahi oleh kerana Allah (swt) telah memberi kita nikmat kekuatan wakaf. Marilah kita mendoakan agar setiap pewakif mendapat barakah yang berlimpah ruah dari Allah (swt). Marilah kita juga bertekad untuk memelihara dan menguatkan lagi institusi wakaf kita, Amin

Terima kasih.